

KHUTBAH KHAS AIDILADHA 1444H/2023M
“IMAN TERPELIHARA UMMAH SEJAHTERA”
(29 Jun 2023M/ 10 Zulhijjah 1444H)

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ الْأَعْيَادَ مَصَدَرًا لِلْهَنَاءِ وَالسُّرُورِ، وَتَفَضَّلَ فِي هَذِهِ
الْأَيَّامِ الْعَشْرِ عَلَى كُلِّ عَبْدٍ شَكُورٍ، سُبْحَانَهُ غَافِرِ الذَّنْبِ وَقَابِلِ التَّوْبِ،
وَهُوَ الْعَزِيزُ الْعَفُورُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ
تَسْلِيمًا كَثِيرًا.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan bersungguh-sungguh melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita dikurniakan kejayaan yang hakiki di dunia dan di

akhirat. Pada pagi Aidiladha yang penuh keberkatan ini khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk “***Iman Terpelihara Ummah Sejahtera***”.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Kita sangat bersyukur kerana masih lagi dikurniakan nikmat iman dan Islam juga dapat menyambut Aidiladha pada hari ini. Bersyukurlah kepada Allah *subhanahu wata'ala* dan dalam masa yang sama, teruskan bertaubat dan bermunajat kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar kita dijauhkan dan diselamatkan daripada segala bentuk wabak penyakit, bencana, kesusahan, dan segala perkara yang tidak diingini.

Pada hari ini juga, umat Islam sedang melaksanakan ibadah haji di Makkah al-Mukarramah. Mereka di sana dengan pakaian putih ihramnya, datang dari seluruh pelusuk dunia, tanpa mengira bangsa, warna kulit dan status sosial, bersama-sama berkumpul untuk satu tujuan yang sama, iaitu memenuhi panggilan Allah *subhanahu wata'ala* untuk menjadi tetamu-Nya dan bertauhid mengesakan Allah *subhanahu wata'ala* semata-mata serta berusaha mendekatkan diri kepada Allah *subhanahu wata'ala*.

Ibadah haji juga memberi gambaran tentang berkumpulnya seluruh umat manusia di Padang Mahsyar kelak. Jika cukup bekalan, maka selamatlah kita dalam kesesakan lautan manusia. Maka, apakah sudah cukup bekalan dan persediaan kita untuk menghadapi

perhimpunan di Padang Mahsyar kelak? Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Qasas, ayat 84:

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ خَيْرٌ مِّنْهَا ۖ وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَلَا يُجْزَى الَّذِينَ
عَمِلُوا السَّيِّئَاتِ إِلَّا مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya: *Sesiapa yang datang membawa amal baik (pada hari akhirat) maka baginya balasan yang lebih baik daripadanya; dan sesiapa yang datang membawa amal jahat, maka mereka yang melakukan kejahatan tidak di balas melainkan dengan apa yang mereka kerjakan.*

Pada kesempatan ini juga, marilah kita mendoakan saudara-saudara kita yang terpilih pada tahun ini supaya beroleh haji yang mabrur dan sentiasa dalam perlindungan Allah *subhanahu wata'ala*. Kita doakan juga kepada saudara-saudara kita yang lain agar diberi kesempatan untuk dapat menunaikan ibadah haji pada masa akan datang. InsyaAllah.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ أَحْمَدُ.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Selain ibadah haji, pada Aidiladha ini juga disyariatkan ibadah korban bagi mereka yang mampu. Ibadah korban merupakan salah satu usaha mendekatkan diri kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Ibadah korban ini memiliki asas yang sangat kuat dan mencatatkan sejarah panjang dalam tradisi para rasul terdahulu. Pelaksanaan ibadah korban telah ditunjukkan secara sinergik oleh para nabi dan

rasul *alaihimus salam* hinggalah kepada Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam*. Peristiwa agung ini bermula sejak zaman anak Nabi Adam *alaihiss salam* lagi iaitu korban yang dilakukan oleh Qabil dan Habil. Seterusnya peristiwa ini berlaku pula kepada Nabi Ibrahim *alaihiss salam* terhadap anaknya, Nabi Ismail *alaihiss salam* dan seterusnya menjadi dasar awal bagi pensyariatian ibadah korban.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ أَحْمَدُ.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Kisah-kisah pengorbanan ini mengingatkan kita akan kesan daya tahan keimanan. Ia mampu menggerakkan manusia untuk mencapai perkara yang luar biasa. Sama ada dalam mengharungi kesulitan dan mengatasi cabaran kehidupan, mahupun mencapai kejayaan demi kejayaan, keimanan adalah pemangkin serta pencetus. Daya tahan keimanan ini bukanlah dicerminkan melalui bentuk amalan tertentu, ataupun dengan berpeluk tubuh dan bergantung harapan atau berdoa sahaja. Akan tetapi, ia melahirkan sikap pengorbanan dan disiplin di dalam diri agar kita sentiasa mencari huraian serta mengukir kejayaan di dunia ini lagi dan di akhirat kelak. Daya tahan keimanan ini mempunyai tiga ciri utama:

Ciri pertama ialah ujian dijadikan peluang untuk kita menjadi seorang insan dan mukmin yang lebih baik. Ia peluang untuk kita melatih diri mencari huraian yang kreatif. Ujian adalah peluang untuk kita menggilap potensi yang sebenarnya ada pada diri kita. Sebagai contoh, kita pernah mendengar kisah mereka yang kehilangan pekerjaan. Kerana desakan keperluan untuk mencari rezeki, mereka

mula berniaga kecil-kecilan, dan kerana didorong semangat ingin maju mereka mencari jalan kreatif untuk melariskan barangan atau khidmatnya sehinggalah akhirnya perniagaannya mula berhasil. Walaupun kehilangan pekerjaan biasanya dianggap sebagai satu musibah, namun ada yang dapat meraih kebaikan dan membangun potensi diri kesan daripadanya. Saidina Anas bin Malik *radiallahu anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((عِظْمُ الْجَزَاءِ مَعَ عِظْمِ الْبَلَاءِ، وَإِنَّ اللَّهَ إِذَا أَحَبَّ قَوْمًا ابْتَلَاهُمْ، فَمَنْ رَضِيَ فَلَهُ الرِّضَا وَمَنْ سَخِطَ فَلَهُ السُّخْطُ))

Maksudnya: *Besarnya sesuatu ganjaran itu adalah bersama dengan besarnya ujian. Sesungguhnya, apabila Allah mengasihi sesuatu golongan, maka Dia akan menguji mereka. Sesiapa yang reda dengan ujian tersebut, maka dia akan mendapat keredaan Allah. Sesiapa yang marah dengan ujian itu, maka baginya kemurkaan Allah.*

(Hadis riwayat Imam Ibnu Majah)

Ujian boleh melahirkan kebaikan, jika bersikap positif dan mempunyai daya tahan yang kuat. Dan ingatlah, bahawa Allah *subhanahu wata'ala* akan menguji kita kerana Dia mengetahui bahawa kita mempunyai potensi untuk mengatasinya. Allah *subhanahu wata'ala* berfirman dalam surah al-Baqarah, ayat 286:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ...

Maksudnya: *Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya ...*

Ciri kedua daya tahan keimanan yang konstruktif adalah orang yang beriman akan selalu memberikan yang terbaik dalam apa jua bidang kehidupan. Mengapa demikian? Ia adalah kerana jiwa yang beriman dengan ganjaran Tuhan sedar bahawa segala yang dilakukannya adalah satu bentuk ibadah. Sama ada pelajaran, pekerjaan, kehidupan berkeluarga mahupun sebagai jiran tetangga, seorang Mukmin akan hanya memberikan yang sebaik mungkin. Itulah maksud perkataan “wasata” di dalam firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Baqarah, ayat 143:

وَكَذٰلِكَ جَعَلْنٰكُمْ اُمَّةً وَّسَطًا ...

Maksudnya: *Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil ...*

Imam Ibnu katsir *rahimahullah* menjelaskan dalam kitab tafsirnya iaitu *Tafsir al-Quran al-Azim* menjelaskan bahawa perkataan “wasata” di sini bererti terbaik dan termulia. Ini bererti bahawa Islam menyuruh kita agar menjadi masyarakat yang cemerlang dari semua sudut sama ada kerohanian, ekonomi, sosial dan intelektual, bukan hanya ala kadar sahaja.

Oleh sebab itu, kita bertanggungjawab untuk terus mempertingkatkan kemampuan diri pada setiap ketika. Jangan

pernah merasa selesa mahupun cukup dengan kemahiran dan ilmu yang ada. Usaha ke arah peningkatan diri ini adalah termasuk perkara kebaikan yang merupakan ibadah. Tanamkan azam bahawa dengan ilmu dan kemahiran yang diperolehi, bukan sahaja akan kita manfaatkan buat diri, malah keluarga, masyarakat dan ummah secara keseluruhannya.

Ciri ketiga orang yang beriman adalah mereka sering bermuhasabah dan berfikir dan tidak hanya menerima sesuatu tanpa penilaian. Daya tahan keimanan juga bermakna kita menyibukkan diri dengan perkara yang bermanfaat, yang membawa kebaikan dan kesejahteraan, dan menjaga kebajikan diri dan masyarakat. Berhati-hatilah agar tidak mudah terpengaruh dengan apa sahaja perkara yang mengelirukan dan menyeleweng daripada ajaran Islam serta meracuni fikiran ke arah kebencian dan permusuhan yang disebarkan melalui media massa dan media sosial. Kita telah diingatkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah al-Hujurat, ayat 6:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ
فَتُصِيبُوهَا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.*

Justeru, kita hendaklah bersikap kritikal, apatah lagi di dalam era media sosial dan kebebasan berbicara dan bertukar pandangan hari ini. Kita perlu bermuhasabah selalu, apakah legasi atau peninggalan kebaikan yang dapat kita persembahkan apabila bertemu Allah kelak? Apakah kata-kata yang baik yang telah kita ungkapkan yang membawa kesejahteraan dan kebahagiaan?

Akhirnya, kita akan kembali menghadap Allah *subhanahu wata'ala*. Segala amalan kita akan diperhitungkan, dan kemudian Allah *subhanahu wata'ala* menyempurnakan balasannya. Marilah kita meneruskan segala usaha yang baik, dan memperbaiki segala kekurangan pada diri kita. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* membekalkan kita dengan daya tahan keimanan yang dapat membantu kita mengharungi segala ujian di dunia. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* juga sentiasa membimbing kita ke arah yang diredhai-Nya dan sekaligus tergolong dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang berjaya dalam kehidupan di dunia dan di akhirat. Amin.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ الْحَمْدُ.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Sebagai mengakhiri khutbah, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-A'raf, ayat 96:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ
السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

Maksudnya: Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ *

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ *

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا. لَا إِلَهَ إِلَّا

اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ الْأَضْحَى مِنْ أَجْلِ الْقُرْبَانِ. وَضَاعَفَ لِعَامِلِهَا

الْحَسَنَاتِ. وَكَانَتْ سَبَبًا لِدُخُولِ أَهْلِهَا الْجَنَّتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا

اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ

صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الَّذِينَ فَازُوا بِالْجَنَّةِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ حَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَقَدْ فَازَ

الْمُتَّقُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah

Sempena Hari Raya Korban ini, umat Islam digalakkan untuk melakukan ibadah korban. Tempoh masanya bermula dari terbitnya matahari pada Hari Raya Aidiladha setelah berlalunya tempoh masa yang mencukupi untuk dua rakaat solat dan dua khutbah yang ringkas sehingga terbenamnya matahari pada hari tasyriq terakhir, iaitu 13 Zulhijjah. Pada tempoh masa itu, marilah sama-sama kita melaksanakan ibadah korban ini. Sesungguhnya, ibadah korban

mempunyai ganjaran yang amat besar. Saidatina Aishah *radiallahu anha* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

« مَا عَمِلَ آدَمِيُّ مِنْ عَمَلٍ يَوْمَ النَّحْرِ أَحَبَّ إِلَى اللَّهِ مِنْ إِهْرَاقِ الدَّمِ،
إِنَّهَا لَتَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِقُرُونِهَا وَأَشْعَارِهَا وَأَظْلَافِهَا، وَأَنَّ الدَّمَ لَيَقَعُ مِنْ
اللَّهِ بِمَكَانٍ قَبْلَ أَنْ يَقَعَ مِنَ الْأَرْضِ، فَطَيَّبُوا بِهَا نَفْسًا»

Maksudnya : *Tidak ada amalan anak Adam (manusia) di hari raya haji yang paling disukai Allah selain daripada menyembelih korban. Haiwan ternakan yang dikorbankan itu akan datang kepada mereka yang melakukannya pada hari kiamat seperti keadaan asalnya iaitu, lengkap dengan tanduknya, bulunya, kukunya, darah korban itu lebih dahulu jatuh ke suatu tempat yang disediakan Allah sebelum dia jatuh ke bumi (pahalanya disegerakan Allah). Maka dengan sebab itu hendaklah kamu dengan rela dan ikhlas hati melaksanakannya untuk keuntungan diri sendiri.*

(Hadis riwayat Imam at-Tirmizi)

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

وَعَلَىٰ آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَىٰ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَىٰ آلِ
 سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَّجِيدٌ.
 وَارْضَى اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّدِينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ
 وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
 وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

رَبَّنَا أُنْتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ صَالِحَ الْأَعْمَالِ